

Dr M harap ketuai delegasi

Kita perlu tunjuk kepada dunia sudah berusaha pulihkan negara, capai sedikit kejayaan

Oleh Khaidir A Majid, Kadir Dikoh dan Adha Ghazali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan hasratnya untuk mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada November 2020.

Itulah harapan beliau untuk turut hadir ke mesyuarat yang dianggapnya amat penting bagi Malaysia, bersandarkan kepada da-

sar luar Putrajaya yang mahu berbaik-baik dengan semua negara.

"Kalau saya masih lagi jadi Perdana Menteri saya pimpin la (delegasi Malaysia ke APEC). Kalau orang buang saya tak tahulah, tetapi saya harap saya bolehlah, kerana ini melibatkan mesyuarat antarabangsa, dia ada sedikit rumit untuk mengurus," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam temubual eksklusif bersama *Berita Harian (BH)* di pejabatnya di bangunan Parlimen semalam apabila ditanya sama ada beliau berhasrat mengetuai delegasi Malaysia ke APEC yang dijangka diadakan pada November tahun depan.

Kali pertama dan terakhir Malaysia menjadi tuan rumah APEC ialah pada 1998.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata sebagai tuan rumah APEC 2020, Malaysia perlu menunjukkan kepada dunia yang ia sudah berusaha memulihkan negara ini dan sudah pun mencapai

BH - 5/12/2019 ml: 2
sedikit kejayaan.

"Jadi kalau kita tak ada hubungan dengan orang lain, kita sebuah negara dagang.... kita tunjuk kebolehan kita dan dengan itu kita akan meningkat (maju). Dasar luar kita adalah berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira ideologi.

"Kalau dia komunis ke, sosialis ke, kapitalis ke, itu kita tak peduli. Kita nak berbaik-baik dengan mereka kerana tujuan kita nak berniaga. Ini kerana Malaysia bergantung kepada dagangan untuk

kaya. Pasal negara kita kecil, nak kaya dengan sendiri, kita tak ada kebolehan," katanya.

Kira-kira 16,000 wakil negara Asia Pasifik dijangka hadir ke Malaysia untuk APEC 2020. APEC 2020 meliputi kira-kira 120 mesyuarat yang bakal diadakan di Langkawi, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka dan Kota Kinabalu.

APEC yang terdiri daripada 21 negara, adalah forum ekonomi serantau ditubuhkan pada 1989 bagi memanfaatkan kebergantungan yang semakin meningkat di kalangan negara Asia Pasifik, bertujuan untuk mewujudkan kemakmuran dengan menggalakkan keseimbangan, inklusif, kelestarian, inovatif dan jaminan pertumbuhan termasuk meningkatkan lagi integrasi ekonomi serantau.

Tema APEC 2020 ialah 'Perkonsiansian Kemakmuran', 'Hospitaliti Malaysia' dan 'Malaysia Boleh'.

 **Dasar luar kita adalah berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira ideologi.**

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri